

**SEJARAH KUDETA MILITER FIJI 1987 DAN  
KESANNYA TERHADAP SISTEM POLITIK DI  
NEGARA REPUBLIK TERSEBUT**



**ATIKAH ROSLEE**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

**SEJARAH KUDETA MILITER FIJI 1987 DAN  
KESANNYA TERHADAP SISTEM POLITIK DI  
NEGARA REPUBLIK TERSEBUT**

**ATIKAH ROSLEE**



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN  
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**

**2022**

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk SEJARAH KUDETA MILITER FIJI 1987 DAN KESANNYA TERHADAP SISTEM POLITIK DI NEGARA REPUBLIK TERSEBUT ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 JULAI 2022

*atikahrose*

---

ATIKAH ROSLEE

BA19110437



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

JUDUL : **SEJARAH KUDETA MILITER FIJI 1987 DAN KESANNYA TERHADAP SISTEM POLITIK DI NEGARA REPUBLIK TERSEBUT**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **ATIKAH BINTI ROSLEE** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ) :

	SULIT	(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)
	TERHAD	(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
/	TIDAK TERHAD	

**DISAHKAN OLEH:**

<i>atikahrose</i>	
<b>ATIKAH ROSLEE</b> <b>BA19110437</b>	<b>DR. MOSLI BIN TARSAT</b> <b>PENYELIA LATIHAN ILMIAH</b>

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian ke Hadrat Ilahi, selawat dan salam terhadap junjungan Nabi Muhammad s.a.w, para sahabat serta sekalian umat islam. Penulis ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana limpah dan kurnia-Nya penulis berjaya menyiapkan tugas latihan ilmiah yang bertajuk "sejarah kudeta militer fiji 1987 dan kesannya terhadap sistem politik di negara republik tersebut" pada kadar dan waktu yang telah ditetapkan. Jutaan terima kasih turut dihulurkan kepada para pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS, Kampus Induk Kota Kinabalu) khususnya para pensyarah daripada Program Sejarah serta Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang telah banyak mencurahkan ilmu pengetahuan sepanjang penulis menuntut ilmu di kampus ini.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan terima kasih untuk Dr. Mosli Bin Tarsat selaku penyelia latihan ilmiah yang telah banyak meluangkan masa beliau untuk memberi tunjuk ajar, didikan dan nasihat kepada penulis sepanjang menyiapkan tugas ini.

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa Roslee Muksan dan Jumiati M.Sain kerana menjadi inspirasi terbesar bagi penulis semasa menyiapkan tugas ini. Tidak dilupakan adik-adik yang sentiasa memberi semangat dan dorongan yang tidak pernah putus. Begitu juga dengan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu mencurahkan idea dan memberi nasihat yang berguna sebagai tauladan dalam kehidupan ini.

Akhir sekali, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang menyempurnakan latihan ilmiah ini. Penulis berharap agar penulisan ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya. Semoga kerjasama yang diberikan mendapat gajaran yang baik dari Allah s.w.t.

Sekian dan Terima Kasih,

25 JULAI 2022

ATIKAH ROSLEE (BA19110437)

NO.28, KAMPUNG SIBUGAL BESAR, JLN LABUK,

90000, SANDAKAN, SABAH.

## ABSTRAK


Kajian ini bertujuan mengkaji sejarah kudeta militer Fiji 1987 dan kesan-kesannya terhadap sistem politik negara republik tersebut. Selepas kemerdekaan pada tahun 1970, Fiji berada di bawah pemerintahan Parti Perikatan selama 17 tahun sehingga pada pilihan raya 1987, parti pimpinan Timoci Bavadra iaitu gabungan antara *National Federation Party* dan *Fiji Labour Party* (NFP-FPL) mengambil alih tampuk pentadbiran Fiji. Namun, pemerintahan ini tidak berjalan dengan mulus kerana dalam tahun yang sama, pihak militer Fiji telah melaksanakan tindak kudeta (rampasan kuasa) sebanyak dua kali iaitu pada bulan Mei dan September 1987. Oleh hal yang demikian, penulis telah menetapkan tiga objektif dalam kajian ini termasuklah mengkaji latar belakang Fiji sebelum tercetusnya kudeta militer 1987. Objektif kedua ialah penulis ingin menganalisis faktor-faktor dan proses tercetusnya kudeta militer di Fiji pada tahun 1987. Objektif yang ketiga ialah penulis ingin mengkaji impak atau kesan kudeta ini terhadap sistem politik dalaman dan hubungan diplomatik antarabangsa Fiji dengan negara lain. Bagi mencapai matlamat kajian, penulis menggunakan kaedah kepustakaan dengan mengumpul maklumat berkaitan tajuk daripada pelbagai sumber seperti buku, artikel jurnal dan arkib kebangsaan. Pada akhir penulisan, kajian ini turut menjelaskan bagaimana Fiji menjadi negara republik dan menandakan berakhirnya hubungan negara tersebut dengan pemerintah kolonial sebelumnya iaitu pihak British.

Kata Kunci: Fiji, kudeta, militer.

## **ABSTRACT**

*This study aims to examine the history of Fiji's 1987 military coup and its effects on the political system of the republic. After independence in 1970, Fiji was under the government of the Alliance Party for 17 years until in the 1987 election, the party led by Timoci Bavadra which is a combination of the National Federation Party and the Fiji Labor Party (NFP-FPL) took over the reins of Fiji's administration. However, this government did not run smoothly because in the same year, the Fijian military carried out a coup d'état (seizure of power) twice, in May and September 1987. Therefore, the author has set three objectives in this study including study the background of Fiji before the outbreak of the military coup in 1987. The second objective is that the writer wants to analyze the factors and the process of the outbreak of the military coup in Fiji in 1987. The third objective is that the writer wants to study the impact or effect of this coup on the internal political system and international diplomatic relations Fiji with other countries. In order to achieve the goal of the study, the author uses bibliographic methods by collecting information related to the topic from various sources such as books, journal articles and national archives. At the end of the writing, this study also explains how Fiji became a republic and marked the end of the country's relationship with the previous colonial ruler, the British.*

*Keywords: Fiji, coup, military.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
TAJUK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii-x
SENARAI RAJAH/FOTO	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
1.0 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1-3
1.2 Objekti Kajian	3-4
1.3 Permasalahan Kajian	4-5
1.4 Kepentingan Kajian	5-6
1.5 Sorotan Literatur	6-9
1.6 Skop Kajian	9-10
1.7 Kaedah Kajian	10-11
1.8 Pembahagian Bab	11



1.9 Kesimpulan Kecil	12
2.0 LATAR BELAKANG FIJI SEBELUM TERCETUSNYA KUDETA MILITER 1987	13-15
2.1 Keadaan Fiji Sebelum Merdeka	16-22
2.2 Keadaan Fiji Pasca Merdeka 1970 Sehingga Menjelang Kudeta	23-27
3.0 FAKTOR-FAKTOR DAN PROSES TERCETUSNYA KUDETA MILITER FIJI 1987	28
3.1 Faktor-Faktor Tercetusnya Kudeta Militer di Fiji 1987	28
3.1.1 Masalah Perkauman	29-33
3.1.2 Kepelbaggian Parti Politik	33-41
3.1.3 Masalah Perlembagaan Fiji	41-46
3.1.4 Isu Perbezaan Agama	47
3.2 Proses Berlakunya Kudeta Militer di Fiji 1987	47-52
4.0 KESAN KUDETA MILITER FIJI 1987 TERHADAP SISTEM POLITIK DALAMAN DAN HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARABANGSA	53
4.1 Kesan Kudeta Militer Fiji 1987 Terhadap Sistem Politik Dalaman	54-57
4.2 Kesan Kudeta Militer Fiji 1987 Terhadap	57-58

Hubungan Diplomatic Antarabangsa	
4.2.1 Australia	58-61
4.2.2 New Zealand	61-63
4.2.3 Amerika Syarikat	63-65
4.2.4 Perancis	65
4.2.5 Indonesia	65-66
4.2.6 India	67-68
4.2.7 Papua New Guinea	68
4.2.8 British	69
5.0 Penutup	70-80
6.0 Senarai Rujukan	81-82



## SENARAI RAJAH/FOTO

		Halaman
Rajah 2.1	: Peta Fiji di Laut Pasifik Selatan.	14
Rajah 2.2	: Kedudukan Viti Levu dan Vanua Levu dalam peta.	16
Rajah 2.3	: Masyarakat Melanesia di Fiji	18
Rajah 2.4	: Gabenor Sir Arthur hamilton-Gordon.	19
Rajah 2.5	: University of the South Pasific.	20
Rajah 2.6	: Masyarakat India Fiji mengerjakan ladang tebu di Viti Levu	20
Rajah 2.7	: Hari Kemerdekaan Fiji pada 10 Oktober 1970.	23
Rajah 2.8	: Jai Ram Reddy, tokoh politik Fiji berketuruna India-Fiji.	26
Rajah 3.1	: Logo <i>National Federation Party</i> .	35
Rajah 3.2	: Logo Parti Perikatan Fiji.	36
Rajah 3.3	: Logo Parti Buruh Fiji.	39
Rajah 3.4	: Ahli Kabinet Fiji selepas Perlembagaan 1970	45
Rajah 3.5	: Apisai Tora, salah satu pemimpin Parti Perikatan	46
Rajah 3.6	: Dr. Timoci Bavadra, Presiden Parti Buruh Fiji	48
Rajah 3.7	: Beberapa tentera Fiji yang menjalankan tugas semasa kudeta	48
Rajah 3.8	: Leftenan Kolonel Rabuka yang bertanggungjawab terhadap tindakan Kudeta Militer 1987 Fiji.	52
Rajah 4.1	: Dr. Bavadra bersama penyokong parti selepas dilepaskan daripada tahanan militer	56

## SENARAI SINGKATAN

<b>AFMPF</b>	- <i>All-Fiji Muslim Political Front.</i>
<b>COF</b>	- <i>Companion of the order of Fiji</i>
<b>FLP</b>	- <i>Fiji Labor Party</i>
<b>FNP</b>	- <i>Fiji Nationalist Party</i>
<b>FTA</b>	- <i>Fijian Teachers Association</i>
<b>FTUC</b>	- <i>Fiji Trades Union Congress</i>
<b>NFP</b>	- <i>National Federation Party</i>
<b>SPF</b>	- <i>South Pasific Forum</i>
<b>WUF</b>	- <i>West Upfront Federation</i>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Republik Fiji ialah sebuah negara pulau di kawasan Samudera Pasifik yang juga merupakan bekas jajahan koloni Kerajaan Inggeris. Umumnya, sistem politik yang terdapat dalam negara jajahan Kerajaan Inggeris biasanya mengutamakan ketuanan awam atau *civil supremacy* ketika menjalankan kuasa pemerintahan dan tidak normal bagi mereka memberi kuasa pentadbiran kepada pihak militer. Hal ini dikatakan demikian kerana, majoriti negara bekas jajahan Inggeris ini kerap menggunakan sistem politik yang bercorak monarki konstitunal untuk diterapkan dalam pemerintahan dan pentadbiran di negara mereka.

Oleh hal yang demikian, negara-negara yang pernah dijajah koloni Inggeris seperti Singapura, New Zealand, India dan Afrika Selatan memberikan kepercayaan kepada masyarakat sivil untuk memimpin negara masing-masing. Hal ini biasanya dilaksanakan melalui pilihan raya umum yang demokratik dan sama sekali tidak bergantung kepada kekuasaan militer yang menggunakan kaedah perebutan kuasa melalui *coup d'état* (penggulingan kekuasaan) oleh pihak militer. Sekiranya ada negara bekas jajahan koloni Inggeris yang melaksanakan rejim militer, pemerintahan tersebut pastinya berlaku semasa Perang Dingin.

Namun begitu, Republik Fiji didapati berbeza dengan negara-negara tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun Fiji termasuk sebagai salah satu bekas jajahan koloni Inggeris, negara Pulau yang terletak di laut Pasifik ini tidak mengamalkan pemerintahan demokratik seperti mana negara jajahan yang lainnya. Situasi ini dilihat jelas apabila tercetusnya kudeta militer pada tahun 1987 oleh pihak ketenteraan Fiji. Hal ini menunjukkan bahawa pihak militer berjaya menguasai pemerintahan dan pentadbiran serta menggulingkan pemerintahan demokratik Republik Fiji pada masa tersebut. Kudeta Militer ini juga sebenarnya dianggap sebagai klimaks daripada perseteraan dalam kalangan pihak militer dan masyarakat sivil yang diselesaikan melalui coup d'état.

Sehingga ke hari ini, peristiwa penggulingan kuasa di Fiji telah berlaku sebanyak empat kali dalam tempoh masa 19 tahun iaitu bermula sekitar 1987 sehingga tahun 2006 silam. Peristiwa ini dilakukan pihak militer sebanyak tiga kali dan sekali dilaksanakan masyarakat sivil Fiji sendiri. Antara penyebab yang membawa kepada peristiwa penggulingan kuasa di Fiji termasuklah berlakunya konflik politik melibatkan orang awam dan tentera yang mana kedua-dua organisasi politik dimiliki pihak-pihak ini masih memegang prinsip perkauman yang cukup agresif dalam konstitusi politik domestik di Fiji ketika itu. Seterusnya, masyarakat asli Fiji juga mempunyai rasa kecemburuan yang tinggi terhadap kaum India yang dilihat banyak menduduki struktur pemerintahan di negara tersebut. Ketiga, pemerintahan di bawah sistem demokrasi dilihat gagal dan penguatkuasaan undang-undang yang lemah turut memicu kepada kudeta militer 1987 ini.

Kudeta adalah perkataan yang jarang digunakan dalam kehidupan seharian. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka istilah kudeta ini membawa makna perebutan kekuasaan atau pemerintahan secara paksa. Jika melihat definisi ketenteraan, kudeta diperincikan sebagai satu kegiatan yang telah dirancang dan dilakukan secara sengaja. Bukan itu sahaja, kudeta menurut ilmu ketenteraan juga dilaksanakan untuk mencapai target atau matlamat yang telah ditetapkan dengan menyedari akan segala kemungkinan yang akan datang termasuklah risiko-risiko yang daris sudut positif mahupun negatif.

Walaupun kata kudeta secara umum diertikan sebagai sebuah bentuk atau sistem pentadbiran yang agak kasar atau berbeza dengan sistem pemerintahan yang lain, terdapat juga sumber yang mengatakan bahawa kudeta adalah sebuah

tindakan yang lebih demokratis dalam sistem pemerintahan sesebuah negara. Hal ini dikaitkan dengan usaha kudeta yang dilaksanakan dari 'luar' dan bergerak dalam wilayah di luar pemerintah tetapi di dalam negara yang dibentuk oleh jajaran pegawai negeri yang kekal, profesional angkatan tentera bersenjata dan pihak polis. Pelaksanaan kudeta seperti ini adalah bertujuan untuk membebaskan para pegawai daripada ketetapan politik mahupun adat tradisi yang sedia ada.

Daripada penjelasan di atas, kita dapat melihat bahawa terdapat pendapat yang berbeza mengenai definisi kudeta itu sendiri. Berdasarkan pembacaan dan bahan rujukan lainnya, kudeta militer Fiji yang berlaku tahun 1987 ini merupakan sebuah peristiwa rampasan kuasa yang dilakukan pihak ketenteraan Fiji untuk menyelesaikan kemelut politik yang berlaku di negara tersebut. Perkelahian antara kaum bumiputera dan masyarakat India telah menyebabkan pelbagai aliran parti politik berlumba-lumba untuk mendapatkan perhatian dan kepercayaan penduduk Fiji untuk memegang tampuk pemerintahan di negara tersebut.



Kajian ini secara umumnya ingin mengetahui lebih lanjut mengenai peristiwa kudeta militer tahun 1987 yang telah berlaku di salah sebuah negara pulau terletak dalam kawasan laut Pasifik Selatan iaitu Fiji. Peristiwa kudeta yang dilakukan pihak militer Fiji ini mempunyai sejarah awal mula tercetus, perkembangan sepanjang berlangsung kudeta dan setelah berakhirnya kudeta. Oleh hal yang demikian, terdapat 3 objektif yang telah ditetapkan bagi mencapai matlamat kajian ini.

Objektif pertama dalam kajian ini ialah mengkaji latar belakang Fiji sebelum tercetusnya kudeta militer 1987. Bagi mencapai objektif pertama, pengkaji akan menjelaskan latar belakang negara Fiji sebelum berlaku kudeta dalam dua aspek utama iaitu keadaan Fiji sebelum merdeka dan Fiji selepas merdeka sehingga menjelang kudeta. Penjelasan mengenai situasi yang berlaku dalam negara Fiji sebelum berlaku kudeta akan memudahkan pembaca untuk memahami peristiwa

ini dengan lebih mendalam kerana melihat hubungan antara keadaan tersebut dengan peristiwa kudeta yang berlaku.

Objektif seterusnya ialah, pengkaji ingin menganalisis faktor-faktor dan proses tercetusnya kudeta militer di Fiji pada tahun 1987. Terdapat beberapa faktor yang telah mendorong kepada tindakan kudeta daripada pihak militer dan peristiwa ini pastinya melalui proses yang sangat panjang memandangkan pada tahun 1987, terdapat dua kali tindak kudeta militer yang dilaksanakan ketua Angkatan Ketenteraan Fiji iaitu pada 14 Mei dan bulan September.

Objektif yang ketiga ialah pengkaji ingin mengkaji impak atau kesan kudeta ini terhadap sistem politik Fiji. Objektif terakhir ini meliputi penjelasan lebih teliti mengenai kesan-kesan kudeta terhadap sistem politik dalaman dan hubungan diplomatik antarabangsa Fiji dengan negara lain. Kedudukan Fiji di kawasan Pasifik Selatan menjadikannya menarik perhatian banyak negara luar kerana mereka terkait dengan kepentingan nasional bersama negara-negara tersebut.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Fiji merupakan sebuah negara yang mempunyai latar belakang sosial, ekonomi dan politik yang unik dan pelbagai. Oleh hal yang demikian, kepelbagaian ini telah menjadi salah satu sebab berlakunya kudeta militer di Fiji pada tahun 1987. Kajian ini memfokuskan kepada faktor dan kesan kudeta militer terhadap seluruh aspek pentadbiran Fiji tidak kira politik mahupun sosio-ekonomi. Berdasarkan pernyataan ini, pengkaji telah menetapkan tiga permasalahan yang berkaitan dengan tajuk dan sangat membantu untuk mencapai matlamat atau objektif kajian.

Permasalahan kajian yang pertama ialah bagaimanakah latar belakang Fiji sebagai sebuah negara sebelum berlakunya kudeta 1987?. Permasalahan kajian ini cuba merungkaikan latar belakang Fiji sebelum tercetus kudeta. Pengkaji akan menjelaskan keadaan Fiji sebelum merdeka dan selepas merdeka 1970 sehingga menjelang kudeta tersebut.



Permasalahan kajian kedua ialah apakah faktor-faktor yang telah mendorong kepada tindakan kudeta militer di Fiji 1987?. Faktor adalah elemen terpenting dalam sebuah peristiwa sejarah. Maka, permasalahan ini penting untuk diselesaikan agar pembaca dapat memahami asal-usul kejadian suatu peristiwa sejarah yang mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor.

Permasalahan kajian yang ketiga ialah apakah kesan kudeta terhadap sistem politik Fiji?. Setelah berlakunya kudeta, sistem pentadbiran terutamanya di bidang politik, kudeta sememangnya telah memberi pelbagai impak dominan terhadap sistem politik dalaman dan juga hubungan antarabangsa Fiji dengan negara luar. Maka, permasalahan ini tetap relevan bagi memastikan pengkaji dapat mencapai matlamat kajian

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian dan penulisan mengenai sejarah kudeta militer 1987 di Fiji terutamanya amat kurang dilakukan oleh sejarawan. Oleh hal yang demikian, pengkaji menghadapi kesukaran mendapatkan bahan rujukan sebagai panduan penulisan kerana sumber yang terhad. Sekiranya ada sekalipun penulisan mengenainya adalah bersifat terlalu umum atau sekadar sisipan dan bacaan tambahan dalam sejarah negara Fiji yang lain. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi menyedarkan masyarakat bahawa terdapat peristiwa penting sejarah yang kurang didedahkan kepada masyarakat sedangkan ia membawa pengertian yang cukup penting dalam sejarah perkembangan dan kemajuan Fiji sebagai sebuah negara republik.

Selain itu, kajian ini turut berkepentingan sebagai rujukan akademik pada masa hadapan. Hal ini merujuk kepada pernyataan sebelumnya yang telah menyebut bahawa sumber rujukan berkenaan dengan tajuk kajian ini sukar didapati dan ia bersifat terlalu umum. Oleh itu, penulisan mengenai sejarah kudeta militer Fiji (1987) ini diharap dapat memberi nilai tambah terhadap pengetahuan sedia ada dan sesuai digunakan sebagai rujukan oleh para pengkaji akan datang

yang berminat untuk mengkaji persoalan yang berkaitan dengan sejarah berlakunya kudeta militer di Fiji pada tahun 1987 yang silam.

Di samping itu, kajian ini juga penting untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan elemen perpaduan nasional yang sememangnya bernilai dalam kelompok masyarakat multi-rasial. Hal ini dikatakan demikian kerana, perpaduan bangsa merupakan elemen penting yang menjadi simbol dan lambang kejayaan bagi sesebuah bangsa. Perpaduan nasional yang kukuh juga menjadi identiti yang mencerminkan gaya hidup sesuatu kelompok masyarakat serta dengan kewujudannya kita dapat melihat bahawa kepelbagaian bangsa, budaya serta agama bukan alasan untuk berseteru sesama masyarakat.

Penulisan sejarah kudeta militer ini akan menggambarkan bagaimana dua kaum utama di Fiji menghadapi perselisihan faham dan seterusnya membawa kepada rusuhan-rusuhan berdarah sehingga perlunya campur tangan pihak militer untuk menghentikannya. Hal ini akan memberi kesedaran kepada pembaca bahawa kepelbagaian budaya serta bangsa harus digunakan sebaik yang mungkin demi melahirkan masyarakat prihatin dan bersatu hati. Justeru itu, kajian ini diharap membuka mata masyarakat untuk terus menghargai perpaduan dan kepelbagaian budaya agar dapat memastikan keberlangsungannya dirasai oleh generasi akan datang.

## **1.5 Sorotan Literatur**

Umumnya, sorotan literatur ialah rujukan atau bahan bantu berbentuk bacaan yang digunakan oleh pengkaji dalam menyelesaikan sesuatu kajian. Sorotan literatur juga dikenali sebagai rujukan yang dianalisis secara kritis dan sistematik bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian. Biasanya sorotan literatur diperoleh melalui kaedah kepustakaan yang boleh dilakukan secara fizikal dan maya. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahan rujukan seperti buku atau naskah akademik bukan sahaja boleh didapati di perpustakaan, dengan kemajuan teknologi yang semakin canggih, setiap pengkaji

dapat menggunakan media internet sebagai wadah untuk mencari bahan sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Bahan bacaan berbentuk pdf terutamanya banyak diterbitkan melalui penerbitan maya. Misalnya, kita dapat melihat laman web artikel jurnal dari pelbagai institut pendidikan di seluruh dunia meliputi skop ilmu yang pelbagai. Kemudahan ini secara langsung memberi kemudahan kepada pelajar atau para pengkaji mendapatkan bahan rujukan tanpa harus mengharapakan bahan dari perpustakaan atau arkib semata-mata.

Bagi tajuk kajian ini, saya memilih karya penulisan Zulkifli Hamid yang bertajuk Politik di Fiji Suatu Studi Pendahuluan (1989) kerana ia menjelaskan peristiwa kudeta militer Fiji yang berlaku pada 1987 silam dengan mengutamakan pandangan bercorak perkauman. Hal ini merujuk kepada, karya ini menjelaskan hubungkait antara masalah perkauman dalam kalangan masyarakat Fiji dan kudeta yang berlaku. Namun begitu, karya ini hanya menghurai peristiwa kudeta yang pertama sedangkan dalam tahun 1987, terdapat dua kali peristiwa kudeta yang berlaku iaitu bermula pada 14 Mei 1987 dan pada 25 September tahun yang sama. Tambahan lagi, karya ini juga kurang menjelaskan kesan-kesan yang berlaku di Fiji dalam 3 aspek pentadbiran utama iaitu politik, sosial dan ekonomi.

Selain itu, karya lain Zulkifli Hamid bertajuk Perkembangan Politik Di Negara-Negara Pasifik Selatan juga boleh digunakan sebagai sorotan kajian. Penulisan ini memfokuskan kepada penjelasan mengenai keadaan politik negara-negara terutamanya yang berada dalam kawasan Pasifik Selatan. Wilayah Pasifik sememangnya telah menjadi laluan perhubungan sejak waktu yang lama. Kapal-kapal dari negara Barat dan Timur akan menggunakan laluan ini sama ada untuk urusan diplomatik mahupun untuk aktiviti ekonomi. Amerika Syarikat misalnya mempunyai kepentingan di kawasan ini untuk menjayakan program nuklear yang dimiliki mereka. Namun, kebanyakan negara Pasifik memilih untuk menjadi negara anti-nuklear dan menolak sebarang hubungan dengan Amerika Syarikat khususnya yang berkaitan dengan aktiviti nuklear. Maka, karya ini sangat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana kudeta ini bukan sahaja memberi kesan kepada masyarakat dan pentadbiran Fiji. Ia juga memberi turut memberi impak kepada negara Pasifik lainnya dan negara yang mempunyai kepentingan antarabangsa dengan masyarakat Fiji.

Sorotan literatur yang kedua pula bertajuk Analisis Hubungan Kerjasama Bilateral Australia Dan Fiji Dalam Bidang Keamanan (2020) karya Siti Dhea Meutia Syarif. Penulisan ini memfokuskan kepada hubungan antarabangsa melibatkan negara Australia dan Fiji setelah kudeta. Australia merupakan negara yang sangat terkesan sesudah berlakunya kudeta militer pada tahun 1987. Oleh itu, berdiri sebagai sebuah negara yang berkepentingan dalam wilayah laut Pasifik, Australia mempunyai tanggungjawab yang begitu besar untuk terus meneliti perkembangan kudeta yang berlaku pada masa tersebut untuk menjamin keselamatan serta kepentingan nasional negara Australia di rantau tersebut. Penulisan ini penting bagi menghuraikan objektif ketiga iaitu berkaitan dengan kesan kudeta terhadap sistem politik antarabangsa Fiji. banyak isi kandungan penulisan ini yang sangat berguna dan boleh digunakan oleh pengkaji untuk dimasukkan ke dalam penulisan.

Seterusnya, sebuah karya bertajuk Faktor-faktor Terjadinya Kudeta Militer Terhadap Perdana Menteri Laisenia Qarase Di Negara Republik Fiji (2013) tulisan Rahmawati Mauliddah. Penulisan ini dianggap penting sebagai sorotan kajian kerana ia menjelaskan dengan lebih terperinci tentang keadaan Fiji khususnya dalam aspek politik setelah berakhirnya peristiwa kudeta tersebut. Penulis menekankan peranan Perdana Menteri Fiji iaitu Laisenia Warase dalam pemerintahan Fiji dan bagaimana kedudukan beliau tergeser akibat peristiwa kudeta yang berlaku di negara tersebut. Bahan ini juga penting buat pengkaji kerana ia dapat menjelaskan kesan-kesan kudeta terhadap sistem politik dalaman Fiji terutamanya jika ingin bercakap mengenai Laisenia sebagai perdana menteri ketika itu.

Di samping itu, terdapat juga sorotan literatur yang bertajuk Good Governance: Shadow Of Military in Fiji (2016) karya Melino Yoga Saputra dan Ahmad Wachdi Renaldi. Karya ini menjelaskan peranan pihak militer dalam tindakan kudeta yang telah dilaksanakan pada tahun 1987 yang silam. Umum mengetahui bahawa pihak ketenteraan merupakan badan keamanan yang paling dipercayai untuk menjaga keharmonian serta keselamatan seluruh negara. Maka, penulisa Melino dan Ahmad ini banyak menjelaskan segala tindakan bijak yang dilakukan pihak tentera Fiji sepanjang tempoh kudeta berlangsung. Jelaslah bahawa, bahan ini dapat membantu pengkaji untuk menjelaskan latar belakang kudeta yang ditunjangi oleh kekuatan militer ini. Buku ini juga menyentuh fungsi

militer ketika berlakunya rusuhan atau perkelahian antara kaum sepanjang kudeta. Mereka bukan sahaja cuba memulihkan keadaan politik ketika itu malah pihak ketenteraan tetap berusaha semaksimum yang mungkin demi menjaga keselamatan dan keamanan warga Fiji agar tidak ada peristiwa berdarah berlaku dalam kalangan masyarakatnya yang mempunyai masalah kesepaduan ketika itu.

Akhir sekali, Shailendra B. Singh juga telah menghasilkan sebuah karya yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu sebuah buku diberi nama Kudeta Militer 1987: Trauma atau Kesepaduan Sosial (2021). Buku ini pula memberi penilaian jelas mengenai kesan militer Fiji sama ada ia menjadi salah satu penyatuan masyarakat atau hanya meninggalkan trauma yang mendalam dalam diri penduduk Fiji. Manakan tidak, pelaksanaan kudeta atau rampasan kuasa biasanya diertikan sebagai sebuah tindakan yang agresif dalam pemerintahan sebuah negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemerintahan kudeta di Fiji ini sepenuhnya dikuasai oleh pihak tentera yang diketuai Leftenan Kolonel Rabuka, masyarakat pastinya mempunyai anggapan atau pandangan yang berbeza-beza mengenai peristiwa ini. Maka penulisan ini sangat membantu kerana penulis memberikan penilaian terhadap kesan kudeta militer dari sudut pandang pelbagai aspek meliputi pandangan bumiputera dan masyarakat keturunan India di Fiji.

## **1.6 Skop Kajian**

Pengkaji menetapkan beberapa batasan atau skop untuk melaksanakan kajian ini. Hal ini bagi memudahkan pengkaji memperoleh maklumat memandangkan subjek yang dikaji lebih berfokus. Skop kajian ini dibahagikan kepada tiga yang utama iaitu skop bidang, skop masa, dan juga skop ruang.

Skop bidang merujuk kepada pelbagai sub-bidang utama atau juga dikenali sebagai sub-bidang makro sejarah misalnya bidang sosial, politik, dan ekonomi. Kajian ini fokus kepada penelitian dalam skop bidang makro sosial dan skop bidang mikro pula adalah kudeta militer. Manfaat daripada membataskan bidang kajian ialah supaya pengkaji tidak tersasar keluar daripada bidang yang ingin dikaji dan

dapat membantu pengkaji melaksanakan penyelidikan dengan sistematik dan berkesan.

Seterusnya, skop masa juga penting dalam sesebuah kajian. Oleh yang demikian, pengkaji menetapkan skop masa pada tahun 1987. Skop masa ini dapat menunjukkan peristiwa sejarah kudeta militer yang berlaku dan perkembangannya dalam tempoh masa mengikut kewujudan sumber yang digunakan. Skop masa ini juga sesuai digunakan kerana ia adalah melibatkan peristiwa yang berlaku selepas kemerdekaan Fiji pada 1970. Pemilihan satu tahun yang spesifik ini (1987) adalah dikeranakan sejarah kudeta Fiji ini sememangnya berlaku dan mengalami perkembangan dalam tempoh masa ini sahaja iaitu bermula Mei 1987 sehingga sekitar September 1987.

Kemudian, pengkaji juga menetapkan skop ruang dalam kajian ini. Skop ruang yang dimaksudkan adalah sama dengan batasan lokasi kajian, pengkaji menetapkan Fiji adalah skop ruang yang digunakan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana, kudeta militer 1987 telah dilaksanakan oleh seorang ketua tentera Fiji yang dikenali sebagai Leftenan Kolonel Rabuka di Fiji. kudeta ini juga berlangsung di Fiji secara umumnya dan memberi kesan kepada kawasan lain namun jika melihat kepada subjek kajian, Fiji adalah skop ruang yang paling sesuai digunakan kerana sejarah ini sememangnya sebuah peristiwa yang berkaitan langsung dengan Fiji sebagai sebuah negara.

## **1.7 Kaedah Kajian**

Pengkaji menggunakan kaedah kajian arkib untuk mengumpul sumber rujukan berkaitan tajuk kajian ini. Penelitian tersebut dilakukan di beberapa tempat misalnya, Arkib Negeri Sabah dan Arkib Nasional Fiji yang boleh dicapai melalui kemudahan internet menerusi laman web rasmi Arkib Nasional Fiji. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah keputakaan yang dilaksanakan di Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Sandakan, Perpustakaan MRSM Tun Mohd Fuad Stephens, Perpustakaan Kota Kinabalu, dan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah untuk

memperolehi sumber primer dan sekunder. Kaedah kepustakaan merupakan kaedah utama digunakan oleh pengkaji memandangkan tajuk kajian berkaitan dengan peristiwa sejarah dari negara luar. Banyak bahan rujukan atau bahan bacaan yang diperolehi melalui kaedah kepustakaan dari tempat yang telah disenaraikan di atas.

## **1.8 Pembahagian Bab**

Pengkaji akan membahagikan kandungan kajian kepada lima bab. Pembahagian kajian ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji menjelaskan dan membincangkan setiap dapatan kajian yang berkaitan dengan sejarah adat istiadat perkahwinan kaum Bugis Makassar di Tawau, Sabah sekitar tahun 1950-2005. Pembahagian bab juga memberi manfaat kepada pengkaji misalnya mengelakkan pengkaji daripada melakukan kesilapan dalam penyusunan maklumat. Selain itu, pembahagian bab ini juga memudahkan pembaca untuk mencari bab tertentu yang ingin diteliti dan memahami setiap bab dalam kajian dengan lebih terperinci.

Bab satu akan membincangkan latar belakang kajian. Hal ini termasuklah pengkaji menjelaskan pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan pembahagian bab. Bab dua pula ialah penerangan berkaitan objektif pertama iaitu adat istiadat perkahwinan Bugis Makassar sebelum, semasa dan selepas perkahwinan, perkembangan adat perkahwinan. Bab tiga akan diperuntukkan bagi membincangkan bentuk perkembangan atau perubahan yang berlaku dalam adat perkahwinan tersebut sekitar tahun 1950-2005 .

Bab empat pula menjelaskan objektif ketiga yang ditetapkan oleh pengkaji. Hal ini merujuk kepada faktor kurangnya amalan adat perkahwinan tersebut pada masa ini. Bab lima adalah penutup kajian. Dalam bab terakhir ini pengkaji akan membuat kesimpulan berdasarkan hasil yang diperolehi sepanjang melaksanakan kajian tersebut.

## 1.9 Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa, dengan segala perbezaan bermula dari agama dan bangsa masyarakat yang mendiami negara pulau (Fiji) ini ternyata sering menimbulkan masalah. Hal ini dikatakan demikian kerana, kepelbagaian latar belakang kaum dan agama di Fiji ketika itu tidak menerima pendedahan unsur perpaduan daripada pihak kerajaan yang memerintah. Hubungan antara penduduk peribumi dan imigran India yang dibezakan oleh jurang agama, bahasa dan budaya tidak diendahkan oleh kerajaan Fiji sendiri telah mengakibatkan kacau bilau sehingga pihak militer melaksanakan tindakan kudeta pada 1987. Selain itu, hal tersebut juga menyebabkan Fiji sebuah negara yang tidak stabil baik dari segi sosial, ekonomi dan politik. Hal ini terbukti dengan rampasan kuasa tentera dua kali diketuai oleh Leftenan Kolonel Sitiveni Rabuka pada 14 Mei 1987 dan 25 September 1987. Rampasan kuasa tentera ini lebih bermotifkan masalah antara kaum iaitu antara kaum pribumi Fiji dan keturunan India. Tambahan lagi, ia juga disebabkan oleh terdapat masalah di kontitusi perlembagaan Fiji sendiri.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH